

Cerita-cerita Dongeng DARI Malaysia Timur



biro
kesusasteraan
borneo

cerita— cerita dongeng dari malaysia timur

ilustrasi oleh
BENJAMIN HASBIE



BIRO KESUSASTERAAN BORNEO

© BORNEO LITERATURE BUREAU, 1972

(Dianjurkan oleh Kerajaan Negeri Sarawak dan Sabah)
Jalan Tun Haji Openg, Kuching, Sarawak,
Malaysia Timur.



Dicetak Oleh
Lee Ming Press, Kuching,
Sarawak.



kandungannya

Mukasurat

BATU SI BONGKOK L. B. Eng	1
LINGAGAT DENGAN TAHI AJAIB S.M.J. Vol. ix 1959	6
KOTA BELUD Abdul Razak Hj. Abdullah	13
BATU TOKID RINI S.M.J. Vol. viii 1958	18
DAUN AJAIB Egog Patimamat	25
PUAKA DI KAMPUNG BANDAN Bolhassan Manis	31
SUANG PUNGUR Abdul Razak Hj. Abdullah	35
SALIMBADUT DAN MANGAT Abdul Razak Hj. Abdullah	44



BATU SI BONGKOK

"SI BONGKOK....BONGKOK...." bunyi suara dari celah-celah pokok kelapa.

Si Bongkok terkejut. Dan suara itu hilang. Bolehjadi suara angin, fikir si Bongkok. Dia mula lagi membaca.

"Si Bongkok, manakau," suara itu melaung lagi. Kali ini agak lantang sedikit sebab angin sedang bertiup ke tempat Si Bongkok.

Si Bongkok berhenti lagi. Itu suara isteriku fikirnya. Kenapa dia datang belum tiba masanya. Dihitungnya lagi ketupat di sebelah kirinya. Hanya enam sahaja yang sudah habis. Ini bererti dia masih ada satu hari lagi.


Di pantai itu sunyi lagi. Hanya kedengaran angin membawa gelombang ke tepi pantai.

Isteri si Bongkok mula takut. Jangan-jangan si Bongkok dimakan oleh hantu atau ditelan oleh ular. Dan kepada si Bongkok pula dia juga berasa cemas. Dia berasa takut kalau-kalau ada apa-apa yang berlaku di atas isterinya.



Si Bongkok mula membuka matanya yang sudah enam hari bertutup kerana syarat bertapa. Tetapi pancaran matahari sangat terang pada masa itu menyebabkan matanya mula bertutup semula. Beberapa kali dicubanya. Tetapi hanya air matanya sahaja keluar. Bolehjadi fikirnya tunggu pada waktu malam sahaja.

Isterinya tidak mahu memanggil lagi. Dia takut jangan-jangan perompak ada bersembunyi di sana. Atau ular besar, atau naga sedang menunggu mangsanya. Matanya mula memandang di laut. Laut sekarang tenang. Dipandangnya pula ke langit. Hanya awan sahaja bergerak bersama-sama angin laut.



Si Bongkok tidak berani lagi membuka matanya. Kalau selalu dibuat begitu matanya tentu akan buta. Tetapi rasa takut mula mendesak. Mula-mula dia takut dengan isterinya yang tidak berteman itu. Syarat-syarat mesti dijaga. Dia tidak boleh melihat manusia lain. Tidak boleh membuka matanya. Dia tidak boleh makan selain dari ketupat yang dibekal oleh isterinya.

Tetapi, desak dihatinya kalau aku tidak menghabiskan tapaku ini tidak akan jadi apa-apa. Asalkan isteriku selamat dari bahaya. Asalkan keluargaku gembira.



Tidak, fikirnya lagi. Tapaku hanya tinggal satu hari lagi. Dan pada esok hari, aku akan menjadi seorang yang kuat. Aku akan menjadi seorang penghulu. Aku akan menjadi...., angan-angan mula bermain dihatinya.

Angan-angan si Bongkok semakin lama semakin melambung. Firkiranya semakin menjadi-jadi sehingga dia terlupa yang dia masih lagi bertapa. Dia mula ketawa seorang diri yang didengar oleh angin dan gelombang. Gelombang dan angin mula meningkahkan ketawanya itu. Suara si Bongkok semakin bertambah-tambah.

Isteri si Bongkok bangun dari tempat duduknya. Suara itu mula perlahan-lahan, kedengaran. Itu memang suara suamiku fikir dihatinya. Dia mula berlari-lari anak ke tempat suara itu berbunyi. Semakin dekat semakin jelas suara itu kedengaran. Dan tidak lama kemudian dia sudah berada di belakang si Bongkok.

Si Bongkok mula meraba-raba kaki isterinya. Matanya mula dipaksa dibuka dengan kuat. Digosok-gosoknya dengan tangannya yang sudah lama sedia hendak berbuat demikian. Disebabkan begitu kuat maka terbukalah matanya yang kian lama laparkan rupa alam yang cantik dan luas.

Di sini si Bongkok telah lupakan janjinya yang penting. Tidak boleh membuka matanya sebelum habis masa tapanya itu. Sebab itu dia disumpah oleh janji-janjinya itu. Angan-angannya yang difikirnya tadi sudah tidak berhasil sebab dia sudah menjadi Batu.

Batu inilah digelar orang Batu Si Bongkok yang letaknya tidak jauh di Kampung Rancah Rancah. Di sinilah tempat orang sekarang memberi niat atau sedekah, sebab orang-orang di kampung ini percanya yang Si Bongkok itu belum lagi mati. Jadi mereka menyifatkan batu itu menjadi keramat, boleh menolong orang dalam kesusahan.

LINGAGAT DENGAN TAHIAJAIB

CERITA ini ialah suatu kisah seorang perempuan tua tinggal di hujung kampung bersama-sama dengan anaknya bernama, Lingagat. Kasihan, suaminya telah meninggal dunia selepas saja anak mereka dilahirkan.

Penduduk-penduduk di kampung ini semuanya peladang belaka. Mereka itu tidak suka kepada Lingagat dan ibunya itu. Mereka dicaci dan di keji kerana kemiskinan mereka. Lebih-lebih lagi tentang kutu yang banyak di kepala ibu Lingagat itu.

Pada suatu hari ibu si Lingagat pun pergi minta tolong jiran-jiran berhampiran membuang kutu-kutu di kepalanya. Tetapi mereka semua tidak mahu kerana kepalanya sangat kotor dan berbau busuk. Mana-mana jirannya yang sombong meludah-ludahkannya sambil berkata, "Baliklah kau ke rumah engkau yang buruk itu. Tidak sesiapa pun yang mahu membuang kutu di kepalamu." Maka pulanglah perempuan yang malang itu dengan sedihnya.

Beberapa bulan kemudian penduduk di situ mulalah meluaskan hutan untuk dibuatkan sawah

padi. Perempuan tua itu serta ditolong oleh anaknya Lingagat turut serta dengan orang ramai untuk membuat bendang sawah. Tetapi Lingagat kadang-kadang tinggal di rumah untuk menjemur dan manumbuk padi mereka.

Pada satu hari Lingagat telah terlihat seekor burung yang sangat cantik terbang mengelilingi pokok-pokok pisang dekat rumahnya. Dengan perlahan-lahan Lingagat pun mengambil sumpitnya lalu menyumpit burung itu. Burung itu terkena sumpitnya terus jatuh lalu mati.

Lingagat pun mengambil burung itu lalu membawanya ke rumah terus disimpunya ke dalam tempat simpanan barang-barang makanan sementara menunggu emaknya pulang. Tetapi pada ketika itu juga burung yang sudah mati itu berkata kepadanya: "Lingagat, Lingagat", kata burung itu, "potong-potongkan aku, potong-potongkan aku".

Lingagat terkejut serta hairan. Oleh kerana desakan burung itu semakin menjadi-jadi maka diturutinyalah kehendak burung itu. Selepas dipotong-potongnya burung itu serta diletaknya di dalam tempat simpanan.

Tetapi burung itu berkata lagi: "Lingagat, Lingagat, masakkan aku, masakkan aku". Hati

Lingagat semakin kecut apabila mendengarnya. Tetapi dia segera menurut kata-kata burung itu.

Apabila burung itu telah masak maka diletaknya di dalam pinggan seraya menunggu kepulangan emaknya supaya dapat mereka makan bersama. Tetapi burung itu berkata lagi: "Lingagat, Lingagat, makankan aku, makankan aku." Maka Lingagat pun makan dan meninggalkan sebahagian untuk emaknya.

Burung itu pun berkata lagi, "Lingagat, Lingagat, habiskan aku, - jangan tinggalkan sedikit pun aku". Lingagat sekarang mula takut dan bersifat serba salah. Dia pun makanlah semua daging burung itu. Kemudian dia pun berihat lalu tidur.

Beberapa jam kemudian apabila dia terbangundari tidurnya, dia merasa perutnya sakit hendak buang air besar. Bila dia sampai ke sungai hendak membuang air besar, tiba-tiba perutnya itu hilang sama sekali. Maka dia pun pulanglah ke rumahnya. Tetapi sampai saja di rumah perutnya mula lagi sakit. Tetapi bila dia hendak pergi lagi ke tandas, perasaan sakit itu hilang lagi dengan tiba-tiba.

Kemudian burung itu berkata lagi dari dalam perutnya: "Lingagat, Lingagat," katanya,

"kenapakah kau tidak membuang aku ke mana saja? Kau mestilah menghamparkan tikar yang bersih di beranda dengan cermat. Kemudian naiklah kau ke atas bumbung rumahmu dan bergantunglah kau di sana. Apabila kau bergantung di sana keluarkan aku. Linggat menurut saja kata-kata burung itu.

Dia mendengar bunyi bising apabila saja tahinya jatuh ke atas tikar tadi. Bunyi benda yang jatuh itu amat bising. GANG, GONG, DING, DONG, KANG, KONG. Bunyi ini membuatkan Linggat takut dan tidak berani melihat ke bawah.

Sesudah habis baharulah dia melihat ke bawah. Alangkah terkejutnya apabila melihat tahinya tadi telah bertukar menjadi GONG, CANANG, PAKAIAN, PADI, PERAK, PINGGAN MANGKUK dan lain-lain lagi yang mana hanya orang-orang kaya saja yang ada mempunyainya. Rumahnya juga telah bertukar menjadi baharu lagi cantik.

Pada saat itu juga Linggat pun menjadi budak yang kaya. Bila emaknya balik dari sawah, emaknya merasa hairan kerana dia tidak nampak rumahnya. Hanya dia terlihat rumah yang baharu dan cantik. Dilihatnya di sekeliling rumah itu. Pokok-pokok pisangnya dan



tanam-tanaman lain masih saja seperti dari asalnya. Tetapi rumah yang cantik itu, entah dia pun tak tahu.

Untuk mengetahui segalanya, dia pun mula memanggil anaknya. Lingagat pada masa itu sibuk menghitung kekayaannya, jadi dia tidak mendengar panggilan emaknya. Emaknya memanggil semakin kuat. Lingagat pun terkejut apabila mendengar suara emaknya lalu terus berlari mendapat dan membawa emaknya masuk

Perempuan tua itu kagum melihat segala isi dalam rumah itu. Dia bertanya kepada Lingagat bagaimanakah dia mendapat kekayaan sebegitu banyak. Lingagat pun mulalah menceritakan kisah yang telah berlaku atas dirinya; bagaimana burung itu pandai berkata-kata dan menurut segala suruhan burung itu.

Tidak berapa lama berita Lingagat dan emaknya menjadi kaya telah menjadi buah mulut orang di kampung itu. Semua orang-orang kampung itu datang hendak melihat kekayaan mereka berdua. Dengan gembiranya Lingagat menjemput orang ramai datang ke rumahnya. Tapi kadang-kadang dia memberi malu jiran-jirannya, sama seperti mereka memberi malu ibunya dulu iaitu semasa mereka masih miskin dan melarat.

Sekarang Lingagat telah menjadi kaya dan semua orang suka kepadanya. Anak-anak dara kampung itu pun berebut-rebut hendak kahwin dengan dia. Tapi Lingagat menolak. Akhirnya Lingagat telah berkahwin dengan seorang gadis yang tidak ada bandinganya dengan gadis lain di kampung itu. Tahun berganti tahun mereka pun mendapat beberapa orang anak. Kehidupan mereka telah menjadi aman dan bahagia buat selama-lamanya.

KOTA BELUD

Cerita Kota Belud ini dimulakan dengan bagaimana kota ini mendapatkan namanya. Ceritanya begini: pada suatu ketika dahulu ada seorang pemuda bernama Moksiam. Adapun Moksiam ini ialah keturunan bangsa Kadazan datang dari sebelah barat di rantau ini.

Pada suatu hari apabila Moksiam sudah besar, dia ingin sangat hendak masuk agama Islam. Tetapi orang tuanya tidak suka dia berbuat demikian. Inilah menyebabkan Moksiam susah hati. Beberapa kali dicubanya mengajak ibupabanya supaya masuk tetapi gagal.

Tetapi pada suatu hari di tempat ini telah diserang oleh penyakit cacar. Banyak daripada orang-orang di sini telah terkena penyakit itu. Dan ada pula yang mati.

Moksiam berasa takut dalam kejadian begini. Difikirnya, boleh jadi penyakit itu ialah datang dari janji-janjinya iaitu berjanji hendak memelukkan agama Islam. Hingga kini janjinya itu masih lagi dalam kenangannya sahaja.

Perasaan takut itu juga mula mendesak kedua-dua orang tuanya. Dan akhirnya mereka

pun bersetuju dengan Moksiam memeluk agama Islam.

Dengan beragama baharu ini Moksiam dan orang tuanya telah menukar cara-cara hidup mereka kepada yang baharu pula. Mereka mula pindah ke tempat yang lain.

Tempat yang baharu mereka diami itu ialah Tempasuk iaitu nama untuk Kota Belud pada masa itu. Maka di sinilah mereka mula menebas semak-semak untuk membuat rumah mereka.

Berapa lama mereka tinggal di sini. Dan banyaklah anak-anak buah Moksiam turut pindah ke sama bersama-sama Moksiam dan keluarganya.

Sekarang umurnya telah dewasa. Dia pun berhajat hendak mencari isteri. Orang-orang tuanya pun juga bersetuju dengan kehendak Moksiam. Maka tidak lama selepas itu Moksiam pun kahwin.

Selepas beberapa ketika maka apa-apa yang di tunggu Moksiam itu pun tidak sia-sia; Moksiam mendapat anak lelaki.

"Beruntung kau dapat anak lelaki Moksiam" kata seorang daripada jirannya.

"Terimakasih" jawab Moksiam dengan gem-bira.

"Sudah bernamakah bayi ini?" tanya yang lain pula.

"Dah....namanya Nganin" jawab Moksiam.

Dengan adanya bayi itu maka bertambah meriah lagilah kehidupan orang-orang di sini. Dan mereka akan terus hidup seperti begitu bertahun-tahun lamanya.

Tetapi apabila Moksiam sudah tua dan anaknya Nganin sudah juga beristeri seorang gadis bernama Tawak maka berlakulah satu kisah yang tidak baik.

Kisah ini ialah di antara Nganin dengan isterinya si Tawak. Semenjak kahwin mereka tidak pernah bersatu hati. Dan lama kelamaan mereka pun memutuskan mesti bercerai sahaja.

Kedua belah orang tua mereka bersetuju yang Nganin dengan Tawak itu mesti bercerai.

Disebabkan mereka berdua ini datangnya dari berlainan puak maka perasaan irihati pun mulalah menjadi-jadi.

Dan akhirnya berakulah perkelahian di antara dua belah puak itu. Perkelahian ini telah berlaku dengan berapa lamanya. Dan banyaklah orang mati dari kedua belah pihak itu.

Apabila tamatnya perkelahian itu orang-orang dari kedua belah puak itu pun mula mencari hidup baharu, dan bersama-sama pula



membena kampung halaman baharu. Dan tempat baharu itulah dinamakan mereka Kota Belud. Sebuah kota yang mempunyai dua erti bahasa: dalam bahasa Bajau, kota ini bererti kubu dan bukit itu bererti Belud. Dan dalam bahasa Malaysia kota itu seerti dengan kubu tetapi beluditu sahaja berlainan. Belud (belut) bererti sejenis ular.



BATU TOKID RINI

BARAM IALAH SUNGAI yang kedua terpanjang sekali di negeri Sarawak ini. Disalah sebatang anak sungai itu ialah Sungai Mada. Di sungai inilah letaknya sebuah batu yang besar, yang terkenal dengan namanya "Batu Tokid Rini". Batu ini terletak kira-kira 200 ela dari sebelah kanan pantai Baram dan lebih kurang 100 ela dari sebelah kiri pantai Sungai Pamada.

Pada dahulu kala menurut cerita orang-tua tua ada sebuah kampung yang di bawah perintah seorang Tokid Rini. Penghulu ini sangat terkenal orangnya serta gagah pula. Dia telah berjuang menentang semua musuhnya termasuklah puak Kedayan dan Murut di sebelah barat (Kalimantan). Kedua-dua puak ini terkenal dengan keganasanya. Tapi Tokid Rini berjaya menundukkan kedua-dua puak ini.


Dekat dengan kampung inilah terletak batu yang besar itu, di mana Tokid Rini dan pengikut-pengikutnya selalu mengasah senjata-senjata perang mereka, seperti pisau dan lembing. Apabila mengasahkan senjata masing-masing Tokid Rini tidak membenarkan sesiapa daripada mereka untuk mengasah senjata mereka


di atas tengah-tengah batu itu. Dia hanya membenarkan pengikut-pengikutnya mengasah senjata mereka di tepi-tepi batu itu sahaja. Ya, sampai sekarang kita dapat melihat bekas-bekas asah mereka itu. Maka dengan itulah mulanya batu itu di panggil "Batu Tokid Rini".

Berdekatan dengan batu ini terdapat pula sebuah tasik yang dipanggil "Takar Bulan" yang dalamnya kira-kira 120 kaki. Tempat-tempat yang terdapat semua ini dikenali dengan nama "Lon Natar" sekarang telah menjadi tanah yang kering.

Tasik inilah tempat tumpuan Tokid Rini untuk melatih dan memberi senaman bagi pengikut-pengikutnya. Oleh kerana kekuatan mereka, selepas mengasahkan parang-parang mereka dengan batu tadi, Tokid Rini sering saja mengadakan pertandingan memotong pokok yang besar dengan sekali tetak saja. Pokok-pokok yang dipotong itu dibuangkan oleh mereka ke dalam tasik dan kemudiannya hanyut pula ke Sungai Baram. Puak-puak Kelabit yang tinggal dekat Sungai Baram itu berasa takjub apabila melihat pokok-pokok yang besar dipotong dengan sekali tetak saja.

Oleh kerana kekuatan Tokid Rini serta pengikut-pengikutnya, mereka tidak bersusah





payah untuk bersawah. Lebih-lebih lagi Tokid Rini sendiri serta penolong kanannya bernama Balang Kato, akan dapat apa-apa saja mereka mahu, termasuk beras, daging, ikan dan lain-lain lagi makanan.

Pada suatu hari Tokid Rini membawa orang-orangnya pergi mengail ikan bersama-sama dengan orang-orang Kelabit di Baram. Dengan segala kekuatan, mereka telah dapat melompat di sebelah sungai itu. Semasa mereka mengail,

orang-orang Kelabit hanya boleh mendengar perbuatan yang mereka lakukan itu tetapi tidak dapat melihat orang-orangnya. Setiap masa orang-orang Kelabit mengail di tepi pantai Sungai Baram, mereka ternampak hanya kail mereka tetapi tidak ternampak Tokid Rini dan dan orang-orangnya.

Di hari yang lain Tokid Rini dan orang-orangnya pergi mengail seperti biasa bersama-sama dengan puak Kelabit di sungai tersebut itulagi. Semua orang-orang Tokid Rini mengail di sebelah sungai itu sementara orang-orang Kelabit di sebelah yang lain. Tokid Rini dan orang-orangnya dapat melihat perbuatan orang-orang Kelabit tetapi orang-orang Kelabit hanya dapat melihat juran-juran kail mereka sahaja.

Selesai sahaja mengail Tokid Rini menyuruh orang-orang Kelabit membahagikan ikan-ikan yang mereka perolehi kepada semua yang ada mengail tadi. Orang-orang Kelabit membahagikan ikan-ikan tersebut mengikut banyak juran-jurankail mereka lihat. Pada sebelah petangnya beberapa orang pengikut-pengikut Tokid Rini mengadukan bahwa mereka tidak ada menerima pembahagian ikan-ikan tadi. Ini menyebabkan mereka sakit hati.

Beberapa lama kemudian, mereka pun pergi mengail lagi dengan orang-orang Kelabit. Mereka

mendapat banyak ikan. Sebelum ikan-ikan itu dibagikan Tokid Rini telah menyatakan kesalahan mereka tentang membahagikan ikan yang telah lepas itu. Orang-orang Kelabit minta maaf di atas kesilapan mereka itu. Untuk menghindarkan kesalahan lagi, mereka pun menjemput Tokid Rini sendiri untuk membahagi ikan-ikan yang mereka perolehi itu. Tokid Rini bersetuju dan membahagikan dengan adilnya.

Pada satu hari Tokid Rini serta orang-orangnya hendak pergi mengail lagi. Takala mereka berjalan menuju sungai tersebut mereka telah terlihat pokok-pokok buluh yang telah ditebang menghalang jalan mereka. Buluh-buluh itu ditebang di tengah-tengahnya pohonnya oleh orang-orang Kelabit membuatkan batang-batang buluh itu seperti ditebang oleh orang yang tinggi. Melihatkan kejadian ini Tokid Rini dan orang-orangnya merasa khuatir. Mereka sangka ada puak yang lebih gagah daripada mereka telah datang ke tempat itu.

Mereka pun meneruskan perjalanan mereka. Apabila sampai ke tepi Sungai Baram mereka menjumpai bulatan dari bubu orang-orang Kelabit yang terjatuh di dalam sungai. Maka diambillah mereka bulatan itu lalu dikenakan di kaki mereka. Melihat bulatan itu tersangat besar, mereka sangka itu gelang kaki orang yang

lebih besar daripada mereka. Selepas saja mereka meninggalkan tempat itu, mereka telah terjumpa satu bulatan yang lain lagi. Mereka pun mengambil lalu dicubakan mereka di tangan mereka. Tetapi gelang itu tersangat besar untuk dipakai mereka. Kejadian ini semua menyebabkan Tokid Rini membatalkan rancangan mereka. Mereka pun kembalilah ke kampung mereka. Mereka fikir ada puak yang baharu lebih kuat dan gagah daripada mereka telah datang hendak tinggal di sebelah atas Sungai Baram.

Untuk mengelakkan dari pentempuran dengan puak yang datang itu maka Tokid Rini pun berundur dari tempat itu ke tempat yang lain.

Bila mereka telah bersedia hendak bertolak, Tokid Rini pun melontarkan parangnya ke dalam tasik. Parang tadi dengan tidak semena-mena telah bertukar menjadi sebuah perahu yang besar. Mereka pun masuklah ke dalam perahu itu dan belayar mengikuti Sungai Baram untuk mencarikan tempat lain. Selepas itu puak Kelabit tidak mendengar berita dari mereka lagi. Segala keturunan orang-orang Kelabit tahu dengan "Batu Tokid Rini" yang dipercayai mereka keramat hingga sampailah masa sekarang. Di sinilah mereka berniat dan minta dijauhkan segala bala.

DAUN AJAIB

Berapa abad yang silam ada seorang peladang tinggal di sebuah dusun di kaki Gunung Kinabalu.

Pada suatu hari si peladang ini pergi menjala ikan di sungai kerana pada hari itu dia tidak membuat kerja di ladangnya. Perlahan-lahan dia mengayuh perahu kecilnya ke hulu sungai. Beberapa jam kemudian sampailah dia di hulu sungai itu. Di sana dia berhenti rehat sebentar sebelum membuang kail dan tautnya. Sambil mengatur-aturkan kailnya, matanya memerahatkan ke pohon-pohon dan bukit-bukit yang cantik itu. Di kepalanya penuh dengan angan-angan.

Sambil dia berangan-angan itu terdengar olehnya suara yang mendayup sayu. Semakin lama semakin dekat terdengar suara itu.

"Sungguh merdu suara itu," bisik di hatinya.

Sekarang suara itu jelas kedengaran. Suara itu suara perempuan. Seperti kilat fikiran melintas di kepalanya yang mendesak supaya dia menyembunyikan diri.




Alangkah terperanjatnya apabila melihat beberapa orang gadis jelita bermain-main di situ. Mereka berpakaian serba putih seolah-olah hendak pergi sembahyang lakunya.

Di antara gadis-gadis itu ada beberapa orang sedang mengusung mayat seorang gadis. Si peladang itu diam membisu. Kerungkungnya

turun naik menghembuskan napasnya yang kian lama membeku. Matanya memaku lekat ke pandangan itu. Apa-apa yang dibuat oleh gadis-gadis itu diperhatinya satu persatu.

"Inikah mambang sungai atau jembalang tanah?" soalan mual bermain di kepalanya.



Gadis-gadis itu pun berhenti serentak. Mayat gadis itu dibawa mereka perlahan-lahan ke kaki air terjun. Yang lain pula bergerak ke sana sini. Ada yang menyanyi di gigi air dan yang lain berendam di dada sungai itu.

Kemudian mayat itu diselimutkan dengan kain berwarna warni. Seluruh badan mayat itu basah dengan air wangi. Mata si peladang liar kehairanan. Air liur ditelannya perlahan-lahan.

Ada beberapa ketika mayat itu bertukar menjadi selambar daun. Peladang itu sangat takjub.

"Ajaib," katanya seorang diri. "Bagaimana mayat itu boleh bertukar menjadi daun?" Si peladang mula menyapu-nyapukan matanya, seolah-olah tidak percaya pada apa yang dilihatnya.

Daun yang cantik rupanya itu disimpankan oleh salah seorang gadis itu ke dalam lubang batu di gigi air terjun itu. Lepas itu gadis-gadis itu pun menghilangkan diri di antara celah-celah kayu dan semak, dan sebentar kemudian lenyap sama sekali dari pandangan.

Si peladang yang sejak tadi membisu kini sekali lagi menyapu-nyapukan kedua belah

matanya seolah-olah seperti orang yang baharu bangun tidur lakunya. Apa-apa yang diperhatinya itu adalah seperti mimpi sahaja. Tetapi apa-apa yang berlaku itu benar-benar berlaku. Lebih-lebih lagi daun yang disembunyikan oleh gadis itu berupa benar-benar daun. Daun yang luar biasa. Sebab itu daun itu diambilkannya.

Oleh kerana hari hampir malam, peladang itu pun cepat-cepat balik ke rumahnya.

Semalam-malaman itu si peladang gelisah. Bermacam-macam mimpi yang bukan-bukan melanda perasaannya. Akhirnya dapat juga dia melelapkan matanya, tetapi untuk sementara waktu sahaja. Dia terjaga apabila mendengar orang-orang kampung riuh mengatakan apak dara Datuk Pengulu mati dibunuh orang.

Keadaan di kampung kucar kacir. Si peladang masih lagi di dalam keadaan kehairanan. Peristiwa yang terjadi pada kampungnya itu mengingatkannya kembali kepada perkara yang dilihatnya di hulu sungai pada hari yang lalu.

Dia pun pergi ke rumah Datuk Pengulu menyatakan yang dia boleh menghidupkan anak Datuk itu.

"Benarkah kata-kata kau itu?" tanya Datuk Pengulu dengan penuh harapan.

BATU TOKID RINI


BARAM IALAH SUNGAI yang kedua terpanjang sekali di negeri Sarawak ini. Disalah sebatang anak sungai itu ialah Sungai Mada. Di sungai inilah letaknya sebuah batu yang besar, yang terkenal dengan namanya "Batu Tokid Rini". Batu ini terletak kira-kira 200 ela dari sebelah kanan pantai Baram dan lebih kurang 100 ela dari sebelah kiri pantai Sungai Pamada.

Pada dahulu kala menurut cerita orang-tua tua ada sebuah kampung yang di bawah perintah seorang Tokid Rini. Penghulu ini sangat terkenal orangnya serta gagah pula. Dia telah berjuang menentang semua musuhnya termasuklah puak Kedayan dan Murut di sebelah barat (Kalimantan). Kedua-dua puak ini terkenal dengan keganasanya. Tapi Tokid Rini berjaya menundukkan kedua-dua puak ini.

Dekat dengan kampung inilah terletak batu yang besar itu, di mana Tokid Rini dan pengikut-pengikutnya selalu mengasah senjata-senjata perang mereka, seperti pisau dan lembing. Apabila mengasahkan senjata masing-masing Tokid Rini tidak membenarkan sesiapa daripada mereka untuk mengasah senjata mereka

turun naik menghembuskan napasnya yang kian lama membeku. Matanya memaku lekat ke pandangan itu. Apa-apa yang dibuat oleh gadis-gadis itu diperhatinya satu persatu.

"Inikah mambang sungai atau jembalang tanah?" soalan mual bermain di kepalanya.



Gadis-gadis itu pun berhenti serentak. Mayat gadis itu dibawa mereka perlahan-lahan ke kaki air terjun. Yang lain pula bergerak ke sana sini. Ada yang menyanyi di gigi air dan yang lain berendam di dada sungai itu.

Kemudian mayat itu diselimutkan dengan kain berwarna warni. Seluruh badan mayat itu basah dengan air wangi. Mata si peladang liar kehairanan. Air liur ditelannya perlahan-lahan.

Ada beberapa ketika mayat itu bertukar menjadi selambar daun. Peladang itu sangat takjub.

"Ajaib," katanya seorang diri. "Bagaimana mayat itu boleh bertukar menjadi daun?" Si peladang mula menyapu-nyapukan matanya, seolah-olah tidak percaya pada apa yang dilihatnya.

Daun yang cantik rupanya itu disimpankan oleh salah seorang gadis itu ke dalam lubang batu di gigi air terjun itu. Lepas itu gadis-gadis itu pun menghilangkan diri di antara celah-celah kayu dan semak, dan sebentar kemudian lenyap sama sekali dari pandangan.

Si peladang yang sejak tadi membisu kini sekali lagi menyapu-nyapukan kedua belah

matanya seolah-olah seperti orang yang baharu bangun tidur lakunya. Apa-apa yang diperhatinya itu adalah seperti mimpi sahaja. Tetapi apa-apa yang berlaku itu benar-benar berlaku. Lebih-lebih lagi daun yang disembunyikan oleh gadis itu berupa benar-benar daun. Daun yang luar biasa. Sebab itu daun itu diambilkannya.

Oleh kerana hari hampir malam, peladang itu pun cepat-cepat balik ke rumahnya.

Semalam-malaman itu si peladang gelisah. Bermacam-macam mimpi yang bukan-bukan melanda perasaannya. Akhirnya dapat juga dia melelapkan matanya, tetapi untuk sementara waktu sahaja. Dia terjaga apabila mendengar orang-orang kampung riuh mengatakan anak dara Datuk Pengulu mati dibunuh orang.

Keadaan di kampung kucar kacir. Si peladang masih lagi di dalam keadaan kehairanan. Peristiwa yang terjadi pada kampungnya itu mengingatkannya kembali kepada perkara yang dilihatnya di hulu sungai pada hari yang lalu.

Dia pun pergi ke rumah Datuk Pengulu menyatakan yang dia boleh menghidupkan anak Datuk itu.

"Benarkah kata-kata kau itu?" tanya Datuk Pengulu dengan penuh harapan.

"Benar Datuk," jawab peladang dengan pendik.

"Baiklah," kata Datuk Pengulu sambil membawa si peladang ke bilik si mati itu. Terkejut si peladang apabila melihatnya. Rupanya betul-betul seperti mayat gadis yang dibawa oleh gadis-gadis di hulu sungai dulu.

Dengan tenang si peladang meminta air wangi. Kemudian air wangi itu pun disapunya dengan daun tadi ke badan mayat itu.

Suasana di sana senyap beberapa ketika. Seluruh kampung sedang di dalam kesepian, seolah-olah tidak ada orang hidup di sana.

Tidak berapa lama kemudian suara orang ramai pun memecahkan kesunyian. Anak perawan Datuk Pengulu hidup kembali.

PUAKA DIKAMPONG BANDAN

PADA SUATU MASA DAHULU ada dua buah bukit bernama Bukit Jalab dan Bukit Jepak. Bukit Jelab letaknya di sebelah timur dan Bukit Jepak di sebelah selatan.

Di antara dua buah bukit ini mengalir sebatang sungai yang menjadi tempat pergantungan untuk penduduk-penduduk di Kampung Bandan mendapatkan air.

Penduduk-penduduk di daerah ini sepatutnya di dalam aman dan makmur. Tetapi keadaan berlainan sekali. Mereka hidup di dalam keadaan ketakutan. Takut dengan seekor Lipan Bara.

Lipan Bara ini sangat besar dan ganas. Ia diam di atas Bukit Jepak. Jikalau ada penduduk-penduduk membuat bising semasa melimpasi di bawah bukit itu Lipan Bara itu pun merayap turun ke sungai lalu membunuh dan membinasakan perahu-perahu mereka. Kadang-kadang api boleh keluar dari mulut Lipan ini. Api ini sangat panas boleh membakar rumah dan hutan.

Perasaan marah dari penduduk-penduduk di tempat itu kepada Lipan itu semakin menjadi-jadi. Dari itu pada suatu hari Datuk Pengulu di tempat itu memanggil semua penduduk-

penduduk Kampung Bandan dan anak-anak buahnya datang ke rumahnya.

Katanya, "Beberapa kali kita cuba hendak membunuh Lipan puaka itu tetapi selalu sahaja mendapat kegagalan. Kali ini kita tak boleh sabar dan takut lagi. Lipan puaka itu mesti dibunuh."

"Bagaimana Datuk?" mereka mula bertanya.

Datuk Pengulu mula mengaru-ngarukan kepalanya yang tidak gatal itu seolah-olah mencari jawapan. Berapa lama dia diam. Dan akhirnya dapat juga dia memberi jawapan.

Cadangan Datuk telah disetujui oleh semua penduduk-penduduk di situ. Dan Bolma salah seorang daripada anak buah Datuk itu dipilih menjadi ketua kumpulan itu.

"Bagaimana kalau cadangan Datuk itu gagal lagi?" tanya salah seorang daripada mereka.

"Jangan ingatkan gagal. Ingatkan menang sahaja," jawab yang lain.

Matahari sudah tinggi segalah. Semua alat-alat untuk membunuh Lipan itu sudah disediakan. Bolma sejak pagi lagi sudah sedia di perahunya.

Dua tiga buah perahu yang lain pun demikian juga.

Air mula pasang. Mereka pun perlahan-lahan mudik ke arah Lipan itu. Ajaran Datuk Pengulu mula bermain di kepala mereka. Sesampai sahaja di sana mereka pun bersiap sedia. "Sedia semua?" tanya Bolma dengan tenang. Mereka mengangkat tangan tanda sedia.

"Mesti berhati-hati" Bolma mengingatkan.

Sekarang tiga buah perahu kecil dan laju mula menghala ke depan. Mereka mula membuat bising. Lipan Bara itu pun terkejut lalu merayap-rayap turun ke sungai. Di ketika itu Bolma mula memberi tanda supaya mereka berkayuh lari dari tempat itu.

Bolma hanya tinggal seorang diri dengan perahunya yang besar. Lipan Bara itu pun mula mendekati perahu itu. Bolma pun menelingkupkan perahunya. Lipan itu menaiki atas perahu itu.

Bolma sekarang berada di bawah perahu itu. Saat yang ditunggunya telah tiba. Dibukanya lubang perahu itu. Perut Lipan itu betul-betul di tengah-tengah lubang itu. Dengan tidak membuang masa perut Lipan itu pun dicucuknya

dengan lembing yang tajam lagi besar. Lipan itu pun melompat-lompat kesakitan lalu mati.

Khabar yang baik itu pun mula sampai ke kampung. Penduduk-penduduk memuji-mujikan Datuk Pengulu atas cadangannya yang baik itu. Bolma telah mendapat nama yang baik atas keberaniannya. Penduduk-penduduk Kampung Bandan pada pertama kalinya bergembira tidak terhingga.

SUANG PUNGUR

PADA SUATU masa dahulu penduduk-penduduk yang menduduki di rantau ini ialah orang Dusun atau Kedazan. Penduduk-penduduk di sini pada masa itu belum tentu tempat kediaman mereka.

Bercucuk tanam adalah kerja utama bagi mereka. Mereka akan merayau-rayau ke sana ke mari mencari tempat yang baik dan tanah yang subur.

Tempat ini pula akan ditinggal mereka beberapa ketika, iaitu apabila tanah itu tidak berapa subur lagi seperti yang pada mulanya.

Pada suatu hari berlakulah satu kisah yang luar biasa di tempat ini.

Salah seorang daripada mereka cuba hendak membuat pagar di keliling rumahnya. Dengan parang yang tajam dia pun mula memotong kayu-kayu yang tidak jauh dari pondoknya.

Belum banyak lagi kayu-kayu itu ditebangnya dia pun berhenti seketika. Di hujung kayu-kayu itu meninitikkan darah.



Beberapa ketika dia tercegat di situ. Dan kemudian dilihat-lihatnya tangan kakinya kalau-kalau ada luka. Tetapi segaris pun tiada. Dan dilihatnya pula kayu-kayu itu lagi. Darah masih menitik di kayu-kayu itu.

Perasaan takut mula mendatang. Dan sebentar kemudian dia pun belari-lari anak menuju ke rumah kawan-kawannya yang berdekatan. Dan sebentar kemudian cerita itu




dengan cepatnya melompat dari mulut ke mulut dengan tidak dapat ditahan-tahankan lagi.

Belum sempat lagi dia melepaskan lelahnya orang-orang di tempat itu telah bergumpul di keliling rumah tempat dia berhenti itu.


"Baik kita pergi melihat tempat itu," kata seorang.

"Supaya kita tahu benda itu" kata yang lain.



Masa itu matahari telah cundung mereda diri. Orang-orang yang hendak pergi melihat pekara yang luar biasa itu semuanya belum makan tengah hari lagi. Tetapi disebabkan pekara yang luar biasa itu mesti diketahui dengan sedalam-dalamnya mereka tidaklah menghiraukan sangat tentang lapar itu.

Sekarang mereka pun mula perlahan-lahan menuju ke arah tempat pokok-pokok yang berdarah itu lengkap dengan alat senjata mereka. Dalam perjalanan itu kepala mereka penuh dengan beberapa solan: bagaimana kalau ada hantu di situ, atau ada musuh, mereka tentu sahaja tidak akan dapat melawan dengan sungguh-sungguh.



Tidak lama selepas itu maka mereka pun sampailah ke tempat itu. Wah ... alangkah terkejut mereka apabila melihat seakan-akan kesemua tempat kayu itu bergerak!

"Inilah yang dikatakan ular bertapa," seru salah seorang tua yang kian lama memerahati benda itu.

"Ular inilah dikatakan naga. Dan kayu-kayu yang di tebang keluarkan darah itu ialah tangannya yang telah besar dan keras seperti kayu..."

Apabila habis sahaja orang tua itu menerangkan orang-orang lain pun mula berkerumun. Ada yang takut lalu meluru pulang dan ada yang bersedia hendak membunuh.

Dan keputusanya?

"Naga ini mesti dibunuh!" kata-kata pasti dari orang-orang yang masih tinggal di situ.

"Bunuhhhhh....." teriak mereka dengan kerasnya.

Tombak, sangkuh, parang dan lain-lain benda-benda yang tajam dengan kuat dan cepatnya menghামun ke badan naga yang masih lagi bergeliat di dalam tanah lumpur itu. Dan disebabkan tikaman orang-orang itu semakin lama semakin menjadi-jadi maka keluarlah naga itu dari tanah itu.

Orang-orang di situ berundur perlahan-lahan. Ada pula yang lari tidak menoleh ke belakang. Tetapi mana-mana yang berani tetap sahaja menunggu di situ. Sekarang naga itu telah berada di atas tanah. Dan nampak jelas sekarang yang badannya telah di tumbuh oleh kayu-kayu yang kini menjadi sebahagian daripada badannya. Sebab itulah kayu-kayu yang di terbang oleh orang itu tadi keluar darah.

Naga itu pun mula lari ke atas bukit. Dan dari atas bukit itu baharulah nampak yang ia di dalam kesakitan. Beberapa kali dicubanya menghembuskan napasnya Tetapi tidak terdaya. Dan perbuatan begitu diulangnya berkali-kali seolah-olah hendak menghilangkan kesekitan

yang sedang mengigitkan badannya.

Orang-orang yang tinggal di bawah bukit itu mula lagi berkerumun. Dan mereka percaya yang naga itu tidak akan dapat kekuatan yang dicari-carinya. Ini adalah disebabkan tapanya itu belum habis dan tamat.

Dan sedikit demi sedikit naga itu belari dari bukit ke bukit yang lain seolah-olah cuba hendak mencari kekuatannya. Tetapi malangnya dia tidak dapat berbuat demikian.

Dan yang akhir sekali dia pun dapat pula pergi ke bukit Timbang Dayang. Di sinilah dia tidak terdaya hendak pergi ke mana-mana. Kesemua orang tadi memerahati dengan harapan supaya naga itu lekas-lekas mati. Apa-apa yang ditunggu-tunggu mereka itu pun berlaku dan berjaya.

Naga itu pun rebah dan lalu berbalik-balik terus ke lembah bukit itu. Dan tidak lama selepas itu tempat itu pun menjadi lubuk yang dalam. Tempat ini sekarang bernama Ulidan yang airnya sejuk lagi bersih.

Tetapi sebelum naga itu tengelam di dalam lubuk itu orang-orang di situ sempat juga mengambil kulit naga itu. Kulit itu ialah untuk

mereka membuat gendang atau tambur yang di pangil mereka "Tongtog".

Tongtog ini sangatlah mustahak untuk mereka sehari-hari kerana dengan adanya tongtog ini dapatlah mereka memanggil atau memberi tahu orang-orang lain dengan memukulkan tongtog itu. Tongtog itu juga boleh dibuat mereka sebagai jam memberikan waktu.

Tetapi pada suatu hari kisah pelek sedang berlaku berkenaan dengan tongtog itu. Apabila seorang sedang memukul tongtog itu kerana hendak memanggil penduduk-penduduk berhimpun maka tongtog itu tidak berbunyi seperti biasa. Tetapi kali ini ia pandai berkata-kata. Katanya:

Tup-tup begiu, nanak tenturu,
Kara inuman salang kabi.

Tukang pukul gendang itu pun terhenti kehairannan. Dua tiga orang yang melimpas di sana pun berhenti seketika. Mereka pun tiada berkata apa-apa, seolah-olah seperti orang bisu lakunya.

Kata-kata tongtog itu seolah-olah memberi amaran kepada penduduk-penduduk di tempat itu. Tetapi kata-kata itu tidak sampai kepada mereka.

Dan tidak lama selepas itu maka turunlah ribut-taufan melanda di tempat itu. Dengan berapa ketika sahaja tempat itu telah musnah dan rosak binasa.

Dari cerita inilah orang-orang di sini sekarang percaya yang orang-orang Kadazan itu tidak diam di Suang Punggur ini sebab diterbangkan angin taufan itu. Dipercayakan juga bahwa orang-orang Bajau yang banyak menduduki di tempat ini boleh jadi apabila tempat itu tidak berorang, mereka mula memasuki dan membaiki tempat itu.

SALIMBADUT DAN MANGAT

BERATUS-RATUS tahun dahulu orang tua-tua kita percaya memang ada banyak hantu. Hantu-hantu ini selalu sahaja mengacau dan mengganggu kehidupan orang-orang pada masa itu.

Tersebutlah satu kisah tentang hantu di rantau Kota Belud ini pada masa yang lampau. Kisah ini bermulalah dengan sepuak hantu bernama Salimbadut dan Mangat.

Sifat Salimbadut ini ada berlainan sedikit dengan Mangat. Ada pun Salimbadut ini ialah sejenis manusia yang pada siang harinya menjadi manusia dan menjadi hantu pada waktu malam. Pada siang hari puak Salimbadut ini akan membuat kerja seperti biasa iaitu kerja-kerja yang dibuat oleh manusia pada tiap-tiap hari.

Tetapi pada waktu malam itu sahaja berlainan. Mereka apabila masuknya matahari, akan bertukar menjadi hantu. Kepala dan kesemua benda-benda dalam perut mereka akan keluar dari badan mereka. Dan kepala serta tali perut itulah menjadi hantu yang dinamakan Salimbadut. Tetapi badan mereka itu masih tinggal seperti badan manusia biasa, hanya tidak boleh bergerak dan tiada bernyawa.

Dan kepala serta dengan benda-benda di dalam perut itu akan terbang ke sana sini mencari makanan. Barang-barang makanan mereka itu ialah darah perempuan semasa bersalin. Dan juga mereka hisapkan darah bayi-bayi yang baharu keluar itu.

Tetapi cerita tentang puak Mangat ini begini pula:

Mereka ini ialah manusia biasa. Tetapi mereka telah disesat dan dimasuki oleh hantu. Hantu inilah bernama Mangat. Seperti Salim-badut mereka juga menjadi hantu pada waktu malam. Mereka bukan sahaja menghisap darah manusia bahkan mereka akan makan manusia yang sudah mati itu.

Pada lazimnya apabila mereka itu tidak dapatkan manusia yang hidup mereka akan cari mana-mana kubur yang baharu. Dan kubur itu pun dibongkar mereka. Dan mayat itulah dimakan dan dijerukkan.

Pekara begini sedang lama berlaku di tempat ini. Orang-orang di sini sangat-sangat benar hendak mencari jalan bagaimana hendak menghalukan hantu-hantu itu. Dan lama-kelamaan dapat juga mereka berbuat demikian.

Mereka sembahayakan orang yang mati itu. Selepas itu mereka beramai-ramai pergi

ke kubur itu dan membaca ayat-ayat dan doa-doa dari Koran.

Mulai dari ini kubur-kubur dan rumah-rumah mereka tidak dapat kegangguhan lagi. Seakan-akan tidak terdengar lagi kisah seperti dahulu, iaitu orang-orang perempuan sedang bersalin akan mati atau dilari oleh hantu-hantu itu. Begitu juga tentang kubur-kubur tidak ada lagi dibongkar dan tiada mayat hilang dari dalamnya.

Orang-orang di tempat itu sekarang mendapat hidup baharu. Mereka juga berkerja dengan bebas dan bersukaria. Dan tempat ini telah menjadi satu tempat yang maju dan sentosa

Tetapi bagaimana pula tentang hantu-hantu tadi?

Semenjak penduduk-penduduk cuba membaca ayat-ayat Koran pada petang Jumaat di rumah dan di kubur mereka maka tidaklah hantu-hantu itu dapat berbuat apa-apa yang mereka suka ke atas orang-orang sedang bersalin atau mengali kubur-kubur orang yang belum lama sahaja meninggal dunia.

Pada suatu petang terdengarlah hantu-hantu itu bercakap-cakap.

"Sekarangapa kita nak buat?" tanya seorang daripada mangat itu." Kita tidak dapat lagi hendak berbuat dan mencari makan seperti biasa. Orang-orang sekarang sudah ada benda ajaib yang kuat dan tahan."

"Entahlah, akupun hairan, ilmu apa yang mereka pakai itu?" kata yang lain pula. "Pada hari itu aku dan anak-anakku pergi hendak mengali kubur dekat tepi hutan itu."

"Tetapi apabila kami dekati, kubur itu dengan serta-merta bertukar menjadi gelab. Dan apabila kami jauhi tempat itu, kubur itu nampak pula. Berkali-kali kami cuba berbuat demikian masih juga tidak dapatkan si mati itu. Dan sampailah kesiangan."

Yang lain semua hairan mendengar cerita itu. Ada pula berasa takut hendak pergi ke tempat kubur di tepai hutan itu.

"Apakah kita mesti buat?" tanya yang lain.

"Kita tidak boleh berdiam sahaja. Kita mesti cari satu jalan" kata yang agak muda dari pada mereka itu.

Dan bermacam-macam rundingan telah dibincangkan pada masa itu juga. Tetapi tidak satu cadangan pun yang disetujui mereka.

"Inilah...." satu suara yang lemah mula bercakap dari celah-celah mereka itu.

Kesemua mata mereka menuju ke arah suara itu. Dan beberapa ketika tiada siapa pun mahu bercakap. Mereka sedang menunggu supaya suara itu bercakap semula.

"Inilah...." kata suara itu lagi. Suara itu ialah suara dari seorang yang tertua sekali dari mereka itu.

"Inilah...apa?" tanya seorang yang lain lagi, agak marah sedikit.

"Inilah bererti mereka itu sudah ada doa yang suci. Doa itu ialah datangnya dari Koran. Mana-mana orang yang percaya dengan Koran akan terselamat dari merbahaya....sekalian merbahaya."

Yang lain-lain masih sahaja tidak berkata apa-apa. Dalam kepala mereka ada beberapa soalan.


Sambung si tua itu lagi: "Ini juga bererti sekarang tibalah masanya kita bertukar dari membuat kerja yang hina dan kotor itu ke kerja yang baik dan suci."

"Bagaimana?" tanya mereka tiba-tiba.

"Dengan mengikuti ajaran Kitab suci Al Koran."


Tiba-tiba suara mereka meletus memecah kesunyian. Ada yang marah dan ada yang suka. Mereka yang marah terus sahaja meninggalkan tempat itu. Dan yang suka pula mula bertanya kepada si tua bagaimana hendak belajara ajaran yang suci itu.

"Mula-mula kita mesti mencuci badan kita sendiri." Kata si tua dengan tentang.



Yang lain-lain menganguk-angukkan kepala. Mereka semua setuju apa-apa yang dikatakan oleh si tua itu.

Si tua itu pun membawa orang yang percaya dengan dia ke rumahnya. Di rumah dia membuat satu ayunan. Orang-orang itu disuruhnya duduk di dalam ayunan itu. Dan ayunan itu pun diayun dengan kuat dan tingginya. Dan tidak




lama kemudian mereka di dalam ayunan itu diberi pula minum dengan sejenis air.

Dan ayunan itu pun berayun terus dengan beberapa ketika. Tidak lama kemudian mereka di dalam ayunan itu pun mabuklah. Dan selepas itu mereka pun mutah. Ada yang mutahkan sejenis burung yang tidak berbulu, yang lain mutahkan tikus dan ada pula mutahkan katak.



"Binatang-binatang inilah iblis atau hantu yang membuat hati kita selalu hendak berbuat kerja-kerja yang kotor dan hina. Binatang-binatang ini mendesak supaya kita makankan manusia. Yang sebenarnya bukan kita yang makan tetapi hantu-hantu itulah. Merekalah yang kenyang," kata si tua itu.

Mulai dari kisah inilah mereka-mereka itu bertukar menjadi manusia kembali. Mereka mula membuat hidup yang baharu. Membuat kerja yang baik dan suci.



50 sen